

Media Title : Sinar Harian
Headline : Taktik scammer tipu melalui jemputan kahwin
Date : 20 June 2023
Section : Mahkamah & Jenayah
Page : 15



Taktik *scammer* tipu melalui jemputan kahwin

Polis minta orang ramai jangan klik pada pautan jemputan kahwin

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan orang ramai untuk tidak membuka atau melayan mana-mana mesej atau hantaran meragukan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, pelbagai taktik baharu dilakukan pihak *scammer* bagi memperdaya orang ramai.

Beliau berkata, pihaknya mengesan taktik terbaharu *scammer* menerusi hantaran jemputan majlis perkahwinan yang disebar melalui aplikasi WhatsApp.

"Taktik baharu itu meminta orang ramai melakukan 'klik' (tekan) pada link



RAMLI

yang disediakan bagi mendapatkan kad jemputan kahwin.

"Namun itu satu helah dan cara *scammer* untuk mencuri maklumat daripada orang ramai, seterusnya membuat pemindahan wang secara dalam talian.


"Untuk itu, orang ramai sebaiknya cuba elakkan daripada terjebak dengan sebarang mesej yang diragui puncanya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Baru-baru ini tular di aplikasi WhatsApp berhubung satu hantaran jemputan perkahwinan yang meminta orang ramai untuk membuat 'klik' pada pautan yang disediakan.

Namun ia satu helah licik pihak *scammer* mendapatkan maklumat dan membuat pengeluaran secara dalam talian tanpa disedari oleh pemilik akaun.

Mengulas lanjut, Ramli berkata, taktik menipu orang ramai dengan cara baharu menerusi aplikasi WhatsApp sememangnya wujud.

Jelas beliau, taktik yang digunakan oleh pihak *scammer* itu menggabungkan semua pihak yang saling mengenali antara satu sama lain dengan tujuan memberi respons epada link yang disediakan.



Taktik baharu digunakan *scammer* untuk menipu dan memperdaya orang ramai menerusi helah kad jemputan kahwin yang kini disebar luas di aplikasi WhatsApp.

"Modus operandi taktik baharu ini adalah melibatkan penggunaan data kumpulan atau senarai kenalan.

"Oleh itu, PDRM meminta semua pihak dan orang ramai untuk sama sekali jangan respons kepada pautan yang diberikan dalam aplikasi WhatsApp," ujarinya.